

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: Y.B. DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH

TARIKH: 17 JUN 2014

SOALAN:

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan :-

- (a) apakah langkah yang telah diambil oleh pihak Kementerian bagi mengatasi masalah kekurangan buruh dalam sektor perladangan dan pertanian di negara ini, berikutan dengan keengganan rakyat tempatan untuk bekerja dalam sektor ini; dan
- (b) sama ada pihak Kementerian akan memudahkan cara pengambilan buruh asing bagi sektor ini.

PR-1322-L61366

JAWAPAN:

a) Tuan Yang Di Pertua,

1. Untuk makluman Dewan yang mulia, Kementerian Sumber Manusia (KSM) melalui Jabatan Tenaga Kerja JTK telah melaksanakan langkah-langkah yang perlu untuk mengatasi kekurangan buruh dalam sektor perladangan dan pertanian di negara

ini berikutan keengganan rakyat tempatan untuk bekerja dalam sektor ini.

Di antara langkah-langkah yang diambil adalah seperti berikut:

- i. membantu pihak majikan untuk mendapatkan calon-calon pekerja tempatan dengan menghebahkan kekosongan jawatan yang ditawarkan dan mengadakan temuduga terbuka;
- ii. mengalakan majikan perladangan untuk menggunakan jentera (mechanisation) seperti mesin untuk membajak, menuai dan menracun bagi menggantikan tenaga buruh.
- iii. menyiasat keperluan gunatenaga sebenarnya yang diperlukan termasuk jumlah pekerja tempatan sediaada. Ini bagi memastikan pekerja tempatan tidak dihentikan selepas mereka mendapat pekerja asing.

b) Tuan yang Dipertua,

1. Kerajaan sentiasa memberi perhatian bagi memasti urusan menggajikan pekerja asing dipermudahkan tanpa berkompromi dalam isu-isu yang melibatkan kepentingan pekerja tempatan, masalah keselamatan negara, masalah sosial, kesihatan dan sebagainya.

2. Bagi menjamin pekerja asing yang dibawa masuk benar-benar dapat mengisi keperluan, setiap pekerja asing perlu melalui tapisan yang teliti bagi memastikan pekerja asing bukan sahaja sesuai untuk bekerja dalam sektor tersebut tetapi juga bebas daripada penyakit terutama penyakit berjangkit yang boleh mengancam sebelum diluluskan untuk bekerja di Malaysia.